

Anwar ingatkan anggota kastam, imigresen elak salah laku, rasuah

BERITA HARIAN 07 APR 2024 m/s: 7

PM adakan lawatan mengejut tinjau penugasan anggota JKDM, JIM di LTAPP

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam berkongsi video mengenai lawatan mengejut beliau ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Ia susulan lawatan Perdana Menteri ke Pulau Pinang kelmarin, dengan pengisian jadual padat sepanjang sehari di negeri itu.

Minggu lalu, Jemaah Menteri meluluskan usaha pembesaran LTAPP yang menelan kos melebihi RM1 bilion dengan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) akan bertanggungjawab bagi proses tender dan pembiayaan projek berkenaan.

Perdana Menteri melalui perkongsian di Facebook, berkata lawatan beliau ke LTAPP itu bertujuan melihat sendiri pengurusan dan fasiliti lapangan terbang serta penugasan anggota khususnya Jabatan Kas-



Anwar meninjau penugasan anggota kastam dan imigresen ketika melakukan lawatan mengejut ke LTAPP, kelmarin.

(Foto Ihsan Facebook Datuk Seri Anwar Ibrahim)

tam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Elak rugi berbilion ringgit

“Saya sampaikan pesanan supaya semua anggota bertugas dengan penuh disiplin dan integriti.

“Pastikan tiada lagi kecurangan dalam kalangan anggota yang boleh menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada negara,” katanya.

Selasa lalu, Perdana Menteri ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama

Setiap agensi penguat kuasa dipantau rapat

PM beri amaran kepada anggota penguatkuasaan elak salah laku, kecurangan



Keratan akhbar BH Rabu lalu.

Warga Kementerian Kewangan memberi peringatan kepada semua agensi penguatkuasaan termasuk JKDM, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Imigresen supaya

mengelakkan salah laku, rasuah serta kecurangan.

Beliau menegaskan, pihaknya sedang memantau secara dekat semua agensi berkaitan supaya tidak terpalit dengan isu berkenaan.

SPRM sebelum ini mendedahkan jumlah ketirisan akibat kegiatan sindiket penyeludupan membabitkan beberapa anggota Kastam di Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang mencecah RM2 bilion bagi tempoh tiga tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM,

Tan Sri Azam Baki, dilaporkan berkata setakat ini seramai 34 anggota penguat kuasa dan 27 individu serta pemilik syarikat ditahan menerusi Ops Samba 2.0 kerana melindungi dan memudahkan aktiviti penyeludupan sindiket itu.

Anggota dan pegawai penguat kuasa berusia 30 hingga 50 ditahan dipercayai menerima wang rasuah lebih RM4.7 juta daripada sindiket bagi memudahkan kegiatan penyeludupan tembakau kunyah, rokok, arak, produk kesihatan dan alat ganti kenderaan.